

Penggunaan herba Thai dan perubatan tradisional dalam penjagaan kesihatan



Thailand mempunyai peluang yang besar untuk mengembangkan negaranya sebagai pusat utama produk herba di dunia. Perdana Menteri Jeneral Prayut Chan-o-cha berkata, kerajaan memberikan galakkan utama kepada penggunaan tumbuh-tumbuhan perubatan dan perubatan tradisional Thai dalam rawatan perubatan.

Dalam ucapan nasionalnya, Perdana Menteri menyatakan bahawa promosi perubatan tradisional dan herba bertujuan untuk mengurangkan perbelanjaan perubatan rakyat. Banyak tumbuh-tumbuhan herba Thai telah dimajukan kepada piawaian yang lebih tinggi dan bersepadu ke dalam penjagaan kesihatan utama.

Beliau berkata, beberapa negara asing menunjukkan minat untuk melabur dalam pengeluaran herba di Thailand. Perdana Menteri menyatakan bahawa Kementerian Kesihatan Awam akan mengembangkan Thailand sebagai sumber utama tanaman perubatan di bahagian dunia ini, kerana Thailand mempunyai potensi besar.

Sementara itu, Menteri Kesihatan Awam Klinikal, Profesor Piyasakol Sakolsatayadorn mengatakan bahawa kerajaan memiliki dasar untuk mengembangkan tanaman herba Thailand secara sistematik dan mampan, supaya herba-herba Thailand dapat digunakan dengan lebih cekap. Objektif lain adalah menjadikan perubatan herba dalam perkhidmatan kesihatan dikenali ramai, selain menambah nilai ekonomi kepada ramuan Thai.

Beliau berkata, kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk merumuskan satu Pelan Induk Pembangunan Herba Thai, 2017-2021. Pelan induk tersebut terdiri daripada empat strategi. Dalam strategi pertama, Menggalakan pengeluaran tanaman herba Thai bagi memenuhi permintaan pasaran dalam negara dan luar negara. Petani akan memperoleh lebih banyak pendapatan hasil dari pertanian herba dan Thailand akan mempunyai bahan mentah yang mencukupi dan berkualiti untuk memenuhi permintaan di peringkat industri. Pada masa yang sama, tanaman herba akan dipelihara dan digunakan secara mampan.

Strategi kedua bertujuan untuk membangunkan industri herba negara dan pasaran, supaya herba Thai akan berdaya saing dalam pasaran antarabangsa. Strategi ketiga bertujuan untuk menggalakkan penggunaan tumbuhan herba untuk rawatan perubatan dan promosi kesihatan. Dalam strategi keempat, mekanisme akan diwujudkan untuk mengembangkan tanaman herba bagi menyumbang kepada ekonomi Thailand.

Jawatankuasa tersebut juga menetapkan sasaran bahawa menjelang akhir pelan induk 2021, Thailand akan menjadi pengeksport utama bahan-bahan mentah untuk pengeluaran herba di rantau ASEAN.

Jawatankuasa tersebut membentuk empat jawatankuasa kecil, dengan agensi-agensi berkaitan sebagai ahli, seperti Kementerian Pertanian dan Koperasi, Kementerian Perdagangan, Kementerian Pelancongan dan Sukan, Kementerian Sains dan Teknologi, dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Pelan induk akan dikemukakan untuk cadangan dan saranan oleh agensi yang berkaitan sebelum diserahkan kepada Kabinet untuk kelulusan.